



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency

SULIT

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(Chief Executive Officer)

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA

(Malaysian Qualifications Agency)

TINGKAT 14B, MENARA PKNS-PJ,
NO. 17, JALAN YONG SHOOK LIN,
46050 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN,
MALAYSIA.

Tel. No.

: 603-7968 7002

603-7968 7011

Fax. No.

: 603-7956 9496

603-7954 9215

Website

: www.mqa.gov.my

Ruj. Kami : MQA(S)10/03/2 Jld. 84 (19)

Tarikh : 15 JUN 2012

Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
SARAWAK

Melalui dan salinan



Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
SARAWAK

YBhg. Dr.,

Tehariah

Prof Datuk Dr Khaliruddin Ab Hamid

Vice-Chancellor

Universiti Malaysia Sarawak

94300 Kota Samarahan

**PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PENILAI AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(MQA)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 November 2007 di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679). Melalui pembentukan agensi ini, aktiviti berkaitan jaminan kualiti pengajian tinggi merangkumi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik-Politeknik dan Kolej-Kolej Komuniti di seluruh negara akan dikendalikan oleh sebuah badan induk yang bebas, berkecuali dan mempunyai autoriti yang tersendiri.

3. Untuk menjayakan matlamat di atas, MQA amat memerlukan kerjasama daripada gabungan tenaga pakar dan para akademik untuk melaksanakan tugas penilaian, pemantauan program dan kemudahan pendidikan yang ditawarkan oleh pemberi pendidikan tinggi. Selaras dengan komitmen dan kepakaran, sukacita dimaklumkan bahawa YBhg. Dr. adalah dengan penuh hormatnya dilantik sebagai panel penilai MQA di dalam bidang **Teater dan Penulisan Skrip Teater**.

SULIT

4. Pelantikan sebagai panel penilai MQA adalah mengikut syarat-syarat berikut:

4.1 Tempoh Pelantikan

Pelantikan ini adalah sah untuk tempoh tiga (3) tahun.

4.2 Imbuhan dan Kemudahan

Penilai akan memperolehi imbuhan dan kemudahan seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A. Kadar ini adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa. Melainkan seperti yang diperuntukkan secara nyata, MQA tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan lain oleh penilai yang tidak berkaitan dengan pelaksanaan tugas penilai.

4.3 Harta dan Bahan-Bahan

- i. Semua dokumen dan harta yang dibekalkan kepada penilai untuk tujuan melaksanakan tugas di bawah perjanjian ini adalah kekal sebagai harta MQA.
- ii. Penilai tidak boleh membuat sesuatu yang boleh melanggar apa-apa hak yang dimiliki oleh MQA atau mana-mana pihak ketiga dalam dokumen atau harta berkaitan atau membuat sesuatu dengan apa cara yang merupakan pemberian atau penambahan kepada dokumen-dokumen dan lain-lain bahan yang diterima untuk tujuan penilaian.
- iii. Panel penilai hendaklah mengembalikan semua dokumen dan apa-apa bahan yang telah diterima berkaitan dengan tugas penilaian dalam perjanjian ini kepada MQA.

4.4 Kerahsiaan Maklumat

Sepanjang tempoh pelantikan dan selepasnya, penilai hendaklah mematuhi arahan MQA bahawa pelaksanaan tugas, dokumen, bahan dan maklumat yang telah diterima adalah sulit.

SULIT

4.5 Pelaksanaan Tugas/Kewajipan

- i. Sepanjang tempoh perjanjian, penilai hendaklah melaksanakan tugas dan apa-apa kewajipan dengan memuaskan dan terbaik untuk kepentingan MQA.
- ii. Penilai tidak boleh melakukan sesuatu atau membentarkan apa-apa perbuatan atau perkara yang boleh merosakkan atau menjelaskan nama baik dan kedudukan atau yang bercanggah dengan kepentingan MQA atau yang bertentangan dengan kewajipannya di bawah perjanjian ini.
- iii. Penilai hendaklah tidak menyerahkan, sub-kontrak, memindahkan semua atau mana-mana bahagian hak-hak, kewajipan atau tugas-tugas di bawah perjanjian ini kepada mana-mana pihak.

4.6 Penamatkan Perjanjian

- i. MQA berhak secara mutlak untuk menamatkan perjanjian ini tanpa memberi alasan dengan memberikan satu bulan notis bertulis niat menamatkan perjanjian ini kepada penilai.
- ii. Penilai boleh menamatkan perjanjian ini tertakluk kepada perkara (iii) di bawah, dengan memberi sebulan notis bertulis niat menamatkan perjanjian kepada MQA.
- iii. Penilai hendaklah menyelesaikan semua tugas penilaian sebelum menamatkan perjanjian ini.
- iv. Dengan penamatkan perjanjian ini oleh MQA atau penilai, pihak penilai adalah tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan atau gantirugi, selain daripada bayaran apa-apa yang boleh dibayar kepada penilai setakat tarikh penamatkan perjanjian ini.

4.7 Tugas dan Tanggungjawab

Penilai adalah dikehendaki untuk:


- i. Meneliti dokumen-dokumen, laporan-laporan, rekod yang dikemukakan dan memberi ulasan mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan oleh MQA.
- ii. Menilai dan mengulas standard dan kualiti program.
- iii. Melawat IPT jika dikehendaki oleh MQA atau pengurus panel sebagai sebahagian daripada proses penilaian yang dijalankan.

SULIT

- iv. Mengadakan perjumpaan atau perbincangan dengan pihak pengurusan, staf akademik, kakitangan sokongan dan pelajar di IPT, jika perlu.
 - v. Setelah penilaian selesai dijalankan, penilai hendaklah menyediakan laporan penilaian mengikut format yang disediakan oleh MQA untuk diserahkan kepada penggerusi panel penilai.
 - vi. Apa-apa tugas lain yang berkaitan dengan penilaian yang ditetapkan oleh MQA dari masa ke semasa.
5. Kami akan berbesar hati di atas persetujuan YBhg. Dr. untuk menerima lantikan ini. Sekiranya YBhg. Dr. menerima pelantikan ini, sila tandatangan borang penerimaan pelantikan seperti di Lampiran B dan isikan borang latar diri seperti di Lampiran C untuk dikembalikan kepada pihak MQA secepat yang mungkin.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' DR. SYED AHMAD HUSSEIN)
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia